

04 SEP 2000

Mahathir-Internet

RAKYAT MALAYSIA GEMAR GUNA INTERNET UNTUK SEBAR DAKYAH

Oleh: Mohd Kamel Othman

CHICAGO, 4 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa kesal kerana rakyat Malaysia lebih gemar menggunakan internet untuk menyebarkan dan mendapatkan maklumat yang bukan-bukan sedangkan bangsa lain menggunakannya untuk mendapatkan ilmu dan kekayaan.

Perdana Menteri berkata internet digunakan oleh bangsa lain untuk meningkatkan keupayaan mereka mendapatkan ilmu serta mencari perniagaan baru yang boleh memberi kekayaan kepada mereka.

Di seluruh dunia orang menggunakan internet sebagai lebuhraya maklumat yang boleh mendatangkan banyak faedah tetapi di Malaysia internet dijadikan sistem cangkih surat layang dan tidak lebih daripada itu, katanya pada persidangan media dengan wartawan Malaysia di sini hari ini.

Perdana Menteri tiba di sini Jumaat lepas untuk lawatan kerja tiga hari ke Chicago. Beliau berlepas ke New York pada sebelah malam hari Ahad.

Semasa di New York, Dr Mahathir akan menemui Presiden Cuba Fidel Castro dan menghadiri Sidang Kemuncak Khas G-77, kedua-duanya pada hari Selasa.

"Kita berasa amat sedihlah... di Malaysia apa juga benda yang baik kita boleh guna dengan cara yang buruk. Kita bagi mereka menyalahgunakan demokrasi. Agama Islam yang begitu baik boleh digunakan untuk memecah-belahkan orang Islam dan kebencian kepada orang Islam."

Di Malaysia, kata Perdana Menteri, kecekapan menyalahgunakan apa sahaja adalah sesuatu yang istimewa bagi mereka.

"Sebaliknya, bagi orang lain, kita dapati berilah apa kepada mereka, mereka akan menjadikan semuanya sebagai sesuatu yang membawa banyak manfaat," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya mengenai projek-projek mega, beliau berkata kerajaan akan meneruskan dengan projek itu, istilah projek mega hanya dicipta oleh akhbar asing untuk memburuk-burukkan negara.

"Ia bukan mega... ia menjadi mega kalau kita buat sesuatu yang kita tidak mampu. Ini kita mampu buat," kata Dr Mahathir.

"Kalau kita nak buat twin towers (menara kembar) kita ada duit. Kita tidak pinjam daripada orang. Kalau kita nak buat airport (lapangan terbang) kita, duit kita sendiri bukan duit orang. Kita buat Putrajaya dengan duit kita sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak berhutang dengan sesiapa untuk membina projek-projek besar, oleh itu projek sedemikian akan diteruskan pada masa depan kerana kerajaan mempunyai wang untuk tujuan itu.

"Kalau tahu macam mana nak urus kewangan negara, duit mesti adalah... kalau kita belanja beli benda yang tidak guna, itu menjadi masalahlah kepada kita.

"Kalau kita beli senjata pun kita berhati-hati bukan nak tunjuk-tunjuk pada orang bahawa kita ada senjata," kata beliau.

-- BERNAMA

MKO NMO